

TARIKH	01 / 09 / 2016	SEKSYEN	BISNES
MUKA SURAT	86	RUANGAN	

Wasiyyah Shoppe sedia perunding wasiat bakal haji



Wasiyyah Shoppe Bhd, peneraju industri perancangan dan pengurusan harta pusaka berlandaskan syariah, bersedia menghantar sehingga 1,000 perunding untuk berbincang dengan bakal haji mengenai keperluan penyediaan wasiat mereka.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Azrin Sabirin, berkata perunding itu boleh ke rumah bakal haji pada bila-bila masa yang diingini sama ada pada hari bekerja, hujung minggu atau cuti umum.

Katanya, Wasiyyah Shoppe Bhd menawarkan perkhidmatan penyediaan dokumen wasiat percuma

kepada bakal haji 2016 sempena musim haji yang akan datang.

"Pada setiap tahun, Wasiyyah Shoppe memang menawarkan perkhidmatan wasiat percuma ini kepada bakal haji.

"Kami faham penyediaan wasiat adalah satu keperluan kepada bakal haji dan boleh membantu mereka untuk lebih fokus dan tenang di Tanah Suci kerana mengetahui harta pusaka dapat diurus dengan baik sekitaranya apa-apa berlaku kepada mereka," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Waris mengikut hukum faraid

Mengulas lanjut, Azrin berkata, selain membantu menyediakan wasiat mengikut keperluan bakal haji dalam pertemuan berkenaan, Wasiyyah Shoppe akan menerangkan siapakah waris mengikut hukum faraid yang bakal menerima harta pusaka apabila mereka meninggal dunia.

"Kefahaman mengenai siapa yang bakal menerima harta pusaka ini penting untuk difahami oleh bakal haji kerana ia mempunyai kaitan langsung dengan wasiat

yang mereka ingin sediakan," katanya.

Azrin berkata, pihaknya menjangkakan lebih ramai bakal haji akan mengambil peluang tawaran percuma terbabit.

"Sekiranya dokumen yang dibekalkan lengkap, kami boleh menyediakan wasiat pelanggan dalam lima hari bekerja sahaja," katanya.

Beliau berkata, pihaknya berjaya membantu hampir 500 bakal haji dalam menyediakan wasiat percuma dan dokumen lain berkaitan sebelum mereka berlepas ke Tanah Suci pada tahun lalu.

Sekiranya dokumen yang dibekalkan lengkap, kami boleh menyediakan wasiat pelanggan dalam lima hari bekerja sahaja"

Azrin Sabirin,
Ketua Pegawai Eksekutif
Wasiyyah Shoppe